

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

**TARIKH JAWAPAN : 11 JUN 2014 (RABU)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan

:-

- (a) Berapakah jumlah wang yang telah dikumpulkan di bawah Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu kutipan oleh TNB sejak dilaksanakan hingga kini; dan
- (b) Jika telah dibelanjakan berikan pecahan perbelanjaan dan siapa yang berkuasa atas semua perbelanjaan

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT) telah dilaksanakan bermula daripada 1 Disember 2011 selaras dengan penguatkuasaan Akta Tenaga Boleh Baharu (TBB) 2011 untuk meningkatkan pembangunan TBB dalam negara secara menyeluruh sebagai langkah yang positif kearah pembangunan sumber tenaga alternatif. Mekanisme FiT merupakan satu bentuk mekanisma yang membenarkan TBB yang dihasilkan oleh pemaju TBB dijual kepada pihak utiliti pada kadar yang dapat memberi pulangan yang munasabah. Pelaksanaan Mekanisme FiT di Malaysia disokong oleh Kumpulan Wang TBB yang ditubuhkan di bawah Seksyen 23, Akta TBB 2011. Sumber dana Kumpulan Wang TBB adalah daripada kutipan sebanyak 1.6% yang dibuat daripada bil elektrik pengguna. Sehingga 30 April 2014, sebanyak RM645,709,294.18 telah dikutip daripada pengguna elektrik oleh TNB selaras dengan peruntukan Seksyen 24 Akta TBB 2011 tersebut. Walau bagaimanapun, pengguna domestik yang

menggunakan tenaga elektrik kurang daripada 300 kWj sebulan adalah dikecualikan daripada kutipan ini.

- (b) Di bawah Seksyen 23, Akta TBB 2011, SEDA Malaysia bertanggungjawab bagi memantau dan menguruskan Kumpulan Wang TBB ini. Sehingga 30 April 2014, sebanyak RM96,546,140.19 telah dibelanjakan bagi tujuan pembayaran FiT kepada pemegang-pemegang kelulusan galakan (*Feed-in Approval Holders- FIAH*) yang telah mula beroperasi secara komersil selaras dengan Seksyen 16, Akta TBB 2011. Selain itu, sebanyak RM4,822,511.40 telah dibelanjakan bagi tujuan Fi Pentadbiran kepada Pihak utiliti terbabit dan SEDA Malaysia selaras dengan Seksyen 20, Akta TBB 2011.
